

Panduan pemanduan selamat ketika hujan, ribut petir

Oleh Prof Madya Dr Nur Izzi Md Yusoff - Februari 12, 2022 @ 10:00am

bhrencana@bh.com.my



Ikuti kaedah pemanduan lebih selamat ketika memandu dalam hujan dan ribut petir. - Foto hiasan

Amaran hujan berterusan (waspada) dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) bagi Selatan Pahang dan Timur Johor serta ramalan hujan dan ribut petir di beberapa negeri hingga Isnin ini, wajar diberikan perhatian oleh pengguna jalan raya.

Memandu dalam keadaan hujan dan ribut petir boleh menjadi satu situasi pemanduan paling sukar dihadapi pemandu hingga banyak pihak memberikan panduan bagaimana pengguna jalan raya boleh berbuat demikian dengan selamat dalam senario terbabit.

Sebenarnya, panduan pertama kepada pengguna jalan raya khususnya pemandu atau penunggang motosikal adalah jika berasa tidak selesa untuk memandu atau menunggang dalam hujan dan perjalanan itu pula boleh ditangguhkan, mereka wajar menunggu cuaca bertambah baik dahulu.

Tiada sebab untuk meletakkan diri pengguna jalan raya dalam bahaya jika tidak dalam keadaan tergesa-gesa untuk sampai ke sesuatu destinasi.

Pengguna juga perlu memastikan kenderaan berfungsi dengan baik sebelum menghadapi cuaca hujan, terutama lampu depan dan belakang serta pengelap cermin depan, selain memeriksa bunga tayar kenderaan kerana tayar botak boleh mengurangkan daya geseran pada permukaan jalan basah.

Ketika hujan lebat dan ribut petir pula, pengguna jalan raya bukan sahaja perlu mematuhi had laju ditetapkan, bahkan sewajarnya memandu jauh lebih perlahan daripada kebiasaannya. Masa tindak balas kenderaan jauh lebih perlahan dalam keadaan basah berbanding dengan keadaan kering.

Adalah digalakkan pemandu menghidupkan lampu kenderaan ketika memandu dalam hujan dan ribut petir kerana langkah itu akan meningkatkan penglihatan kita dan keupayaan pemandu lain untuk melihat kenderaan di jalan raya.

Sesetengah orang mungkin terlupa untuk menghidupkan pengelap cermin depan mereka dalam keadaan hujan renyai. Kelajuan pengelap cermin depan pada kebanyakan kenderaan adalah boleh dilaraskan untuk membersihkan lembapan dari kaca dalam keadaan berkabus atau dalam hujan lebat dan ribut petir.

Pemandu juga boleh menggunakan beberapa produk yang boleh didapati di pasaran untuk disembur atau disapu pada cermin kenderaan bagi mengurangkan pengumpulan air hujan.

Pada masa sama, tip pemanduan selamat perlu diamalkan seperti memastikan jarak lebih jauh antara kita dengan kenderaan di hadapan kerana menghentikan kenderaan akan menjadi lebih sukar ketika hujan. Justeru, pemandu perlu mengekalkan jarak selamat, iaitu sembilan saat antara kereta sendiri dengan kenderaan lain.

Selain itu, pemandu juga boleh mengikuti kaedah pemanduan lebih selamat seperti memperlahankan kenderaan dengan mengalihkan kaki dari pemecut lebih awal daripada biasa sebagai persediaan memperlahankan atau berhenti. Oleh itu, pemandu disarankan untuk tidak menggunakan kawalan jelajah atau cruise control supaya perhatian terhadap penggunaan kedua-dua minyak dan brek adalah selaras.

Pemandu juga perlu berhati-hati ketika melalui air bertakung kerana ia boleh menyebabkan akuasatah, iaitu kehilangan daya tarikan dan tergelincir melintasi permukaan jalan.

Justeru, adalah lebih baik untuk mengelakkan tempat yang air terkumpul dengan menukar lorong atau memandu dengan selamat di sekitar kawasan berkenaan.

Akuasatah antara punca kemalangan paling biasa dalam hujan kerana pemandu hilang kawalan. Oleh itu, jika kenderaan mengalami akuasatah, pemandu perlu mengalihkan kaki daripada pedal pemecut dan mengemudi kenderaan dengan tenang. Mereka juga perlu mengelak daripada membuat pusingan atau menekan brek dengan mengejut, manakala kedua-dua tangan perlu memegang stereng dengan sebaiknya.

Hujan juga akan menyebabkan tahap kelembapan meningkat hingga menyebabkan tingkap kenderaan mungkin akan berkabus apabila memandu dalam cuaca berkenaan.

Kebanyakan sistem pengudaraan kereta berfungsi untuk mengurangkan kabus terbentuk pada bahagian dalam tingkap dan cermin hadapan, tetapi pemandu mungkin perlu berhenti jika tidak lagi dapat melihat melalui tingkap.

Hakikatnya, pematuhan peraturan jalan raya dan tip pemanduan selamat mampu menghapuskan sebahagian besar risiko ketika pengguna memandu dalam hujan dan ribut petir. Ingatlah, setiap kita berhak untuk sampai ke destinasi masing-masing dengan selamat.

Penulis adalah Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)